

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'
AZUMU [TAMBUN]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 29

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan cadangan pembangunan Pusat Dialisis Darul Ridzuan (PDDR) di negeri Perak kerana dengan adanya PDDR dapat memanfaatkan para pesakit dialisis dalam mendapat rawatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah bertanggungjawab untuk mengawalselia pusat hemodialisis swasta selaras dengan ketetapan yang digariskan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006. Namun demikian, mengenai permohonan bagi cadangan pembangunan Pusat Dialisis Darul Ridzuan (PDDR) ini, sehingga setakat ini, pihak KKM melalui Bahagian Amalan Perubatan tidak ada menerima apa-apa permohonan atau cadangan berkaitan penubuhan pusat hemodialisis swasta tersebut.

Sekian, terima kasih.